

# Kesederhanaan kunci kebahagiaan



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud hadir mendengarkan Tazkirah bertajuk 'Kebahagiaan Dalam Kesederhanaan' yang disampaikan Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien (MOAS), Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Zulkifli bin Haji Murat pada Tazkirah Subuh Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat'.

**Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmad**

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 6 Disember. - Kita selaku umat Islam adalah sangat-sangat dituntut untuk mengamalkan sikap bersederhana dalam kehidupan kita sehari-hari, sama ada dari sudut ketaatan dan keimanan kepada Allah Subhanahu Wata'alaa maupun dari segi pergaulan, akhlak dan sebagainya.

Demikian antara inti pati Tazkirah Subuh yang disampaikan oleh Penguasa Masjid Omar 'Ali Saifuddien (MOAS), Jabatan Hal Ehwal Masjid, Awang Zulkifli bin Haji Murat pada Tazkirah Subuh Program 'Masjidku Makmur, Negara Berkat' di masjid tersebut.

Tazkirah bertajuk 'Kebahagiaan Dalam Kesederhanaan' itu juga

menerangkan antara sifat dan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam adalah sifatnya yang sangat sederhana, kerana Baginda Rasulullah menyedari bahawa akhirat jauh lebih berharga daripada dunia dan seisinya.

Baginda Rasulullah jelasnya, merupakan Uswatun Hasanah, iaitu contoh teladan yang terbaik untuk kita ikuti dalam semua aspek kehidupan.

Awang Zulkifli juga memberikan beberapa kisah

Baginda yang merupakan Junjungan kita umat Islam lebih rela duduk di atas tanah, sanggup berlapar perut demi kesejahteraan umatnya, meskipun Baginda tahu kemewahan dan kesenangan boleh dimilikinya.

Sepanjang hayat 63 tahun, Rasulullah hanya ditimpah sakit sebanyak dua kali sahaja, iaitu apabila terkena sihir oleh Yahudi pada tahun ke-6 Hijrah dan tahun berikutnya pula Baginda berubat berbekam berikutan termakan

daging beracun.

Permakanan kekasih Allah itu adalah makan sebelum kenyang serta makan dan minum hanya untuk beramal ibadah kepada Allah Subhanahu Wata'alaa.

Secara kesimpulannya, bahagia itu bukan kerana harta dan yang penting adalah kesederhanaan dalam hidup dengan kesanggupan menerima dan sentiasa bersyukur dan kesederhanaan itulah merupakan kunci kepada kebahagiaan.

Justeru itu, manusia jangan selalu mendongak atau memandang ke atas akan tetapi lihat juga mereka yang berada di bawah.

Hadir mengimarahkan MOAS bersama para jemaah, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd. Daud dan isteri.

Juga hadir, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz bin Orang Kaya Maharaja Lela Haji Yusof; Setiausaha Tetap (Hal Ehwal Korporat dan Pentadbiran Awam), JPM, Awang Haji Roslan bin Haji Taja'ah dan isteri serta Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang.

Tazkirah Subuh yang lazimnya diadakan setiap hujung minggu, kali ini memasuki tahun ketiga.

# Julang tinggi inisiatif Kebawah DYMM

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas, Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**BANDAR SERI BEGAWAN,** Ahad, 6 Januari. - Selaras dengan hasrat Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk melihat para belia di negara ini sebagai agen perubahan dan pengusaha yang berjaya serta tidak bergantung sepenuhnya kepada kerajaan, seramai 16 lepasan graduan bersatu padu memulakan dan mengusaha sendiri sepenuhnya restoran Tarindak Ungkayah Graduan bertempat di Ruang Pelepasan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Berakas, di sini.

Majlis Pembukaan Rasmi restoran berkenaan diadakan pagi ini dan dihadiri oleh Menteri Menteri Kabinet, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Timbalan-timbalan Menteri, Orang-orang

Berkedudukan Khas, Setiausaha-Tetap dan Timbalan Setiausaha-Tetap.

Lepasan graduan berkenaan terdiri daripada Dayang Nur Sahkina binti Rosli dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA); Dayang Nurul Majidah binti Zakaria dari Birmingham University; Dayang Asmaliani binti Ahmad dari Universiti Brunei Darussalam (UBD); Dayang Nur Amalina Farhana binti Mohd. Hamri dari Universiti Teknologi Brunei (UTB); Dayang Nurul Azyani binti Rudy Sahardey dari UBD; Ak. Akmalakbar bin Pg. Haji Badaruddin dari Asia Pacific University of Technology and Innovation, Malaysia; Awang Md. Khairul Anwar bin Jaidi dari International Graduate Studies College; Awang Muhammad Helmi bin Haji Tamam dari UTB;

Dayang Fatin Nor Afifah binti Haji Abdul Ghani dari UNISSA; Awang Mohamad Ashrafil bin Mohamad Ariffin dari UBD; Awang Muhammad Yasin bin Awang Yusof dari UTB; Dayang Hajah Fatimah binti Haji Abd Razak Lim dari KDU University College, Malaysia; Dayang Nurhanisah binti Mohammad Shamsul dari Kemuda Institute; Dayang Siti Rahmah binti Mohamad Ali Hussin dari IBTE Sultan Saiful Rijal; Dayang Nur Azirah binti Asba dari IBTE Sultan Saiful Rijal dan Awang Mohammad Ardzierrul bin Osman dari IBTE Sultan Saiful Rijal.

Semasa ditemubual beberapa graduan yang terlibat dalam mengendali restoran tersebut menyembahkan dan menzahirkan rasa syukur, serta menjunjung kasih ke hadapan majlis baginda.

"Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'alaa diberikan peluang untuk bekerja di outlet Tarindak Ungkayah Graduan ini, dan setingga-

menjunjung kasih ke hadapan majlis Kebawah DYMM Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atas peluang yang diberikan.

Insyaa Allah harapan saya untuk bekerja di outlet ini akan dapat membuka minda orang ramai bahawa para graduan juga boleh berkecimpung dalam bidang yang berlainan di luar bidang akademik di universiti," ujar Dayang Nur Sahkina.

Dayang Nurul Azyani pula berharap outlet tersebut akan mendapat sambutan yang menggalakkan dari orang awam dan akan pergi kepada peringkat seterusnya serta mendapat tempat di kalangan para belia di negara ini.

Beliau mengharapkan masyarakat di negara ini akan terus menyokong usaha mereka dan menjadi ikutan kepada graduan lain untuk terus berusaha serta mencari peluang yang baharu dan keluar daripada comfort zone masing-masing.

Tambahnya, walaupun bidang pekerjaan yang diambilnya ini berbeza dari bidang akademik yang diambilnya semasa di UBD, iaitu dari Sosiologi Antropologi beralih kepada bidang Makanan dan Minuman (Food and Beverages) tetapi, katanya, kedua bidang tersebut sedikit sebanyak mempunyai persamaan kerana dapat berinteraksi dengan orang ramai.

Sementara itu, Dayang Asmaliani lepasan graduan dalam bidang Pengajian Sejarah berkata, walaupun bekerja di luar dari bidang akademik semasa menuntut di UBD, beliau tidak memilih pekerjaan dan mengambil apa sahaja peluang dan menjadikan sebagai pengalaman yang baharu tanpa memilih sebarang pekerjaan.

Jelasnya, di samping ingin menjadi role model kepada masyarakat di luar sana, mereka boleh mencuba sesuatu yang baharu serta menonjolkan kemahiran dan bakat yang boleh diguna pakai di luar dari bidang akademik.

Dayang Nur Amalina Farhana semasa ditemui pula menjelaskan, mereka telah menjalani latihan intensif dalam pengendalian makanan dan minuman selama tujuh bulan di Bahagian Jamuan di bawah Kawalan Pejabat Kebawah DYMM.

Sepanjang latihan tersebut, mereka telah didebak dengan pelbagai kemahiran bagi mempelajari cara-cara mengendali dan mengurus restoran dengan lebih cekap dan berkesan.

Adalah menjadi harapan para pengusaha restoran tersebut ia akan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada orang ramai bagi sama-sama membantu para graduan menyahut dan menjunjung titah Kebawah DYMM itu.



DAYANG Nur Sahkina binti Rosli dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali.



DAYANG Nurul Azyani binti Rudy Sahardey dari Universiti Brunei Darussalam (UBD).



DAYANG Asmaliani binti Ahmad dari UBD.



DAYANG Nur Amalina Farhana binti Mohd. Hamri dari Universiti Teknologi Brunei.